

14 SEP 1996

PM-Suruhanjaya

JADIKAN PROGRAM SOLAR DUNIA BERORIENTASIKAN TINDAKAN, KATA PM

Oleh: K.C.Leong

HARARE, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata program aktiviti yang akan dilancarkan oleh Kongres Solar Dunia di sini minggu depan haruslah berorientasikan tindakan.

Perdana Menteri berucap pada mesyuarat pertama Suruhanjaya Solar Dunia (WSC) di sini yang ditubuhkan bagi menyediakan kepimpinan dan bimbingan politik bagi pelaksanaan program itu.

Beliau merupakan seorang daripada 16 anggota suruhanjaya itu yang terdiri daripada ketua-ketua negara dan kerajaan. Suruhanjaya itu dipengerusikan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dan anggota lain termasuk Presiden Indonesia, China, India, Pakistan dan Afrika Selatan.

Sidang Kemuncak dua hari itu bermula pada Isnin dan akan berkesudahan dengan penandatanganan Deklarasi Harare mengenai Tenaga Solar dan Pembangunan Berterusan serta penerimaan Program Solar Dunia 1996-2005 (WSP).

Dr Mahathir berkata tidak perlu bagi satu kawalan yang ketat untuk memenuhi keperluan meletakkan persediaan institusi yang baru, terperinci dan berstruktur tinggi sebagai prasyarat kepada WSP itu.

"Terlalu taksud kepada amalan sedemikian yang selalunya menjadi cara Bangsa-bangsa Bersatu, kadangkala mengalihkan perhatian kita daripada hasrat yang pada mulanya baik dan mulia." kata Perdana Menteri yang menyifatkan dirinya sebagai seorang yang berpegang kepada kepercayaan banyakkian bertindak daripada bercakap.

"Janganlah kita hilang panduan akibat kecelaruan yang kita wujudkan tanpa sengaja. Janganlah kita tenggelam dengan infrastruktur birokratik dan hiraki yang kita paksakan pada diri sendiri dan janganlah kita terhalang dengan proses, prosedur dan formaliti yang tiada kaitan langsung dengan tujuan kita.

"Sebaliknya marilah kita memulakannya dengan senderhana, melibatkan kumpulan-kumpulan yang kecil dan menggunakan institusi atau urusan rangkaian yang sedia ada dan beroperasi," katanya.

Dr Mahathir yang tiba di sini semalam turut menasihatkan supaya berhati-hati dalam memilih hanya yang terbaik, sesuai dan mudah dilaksanakan pada peringkat awal ini.

Ini kerana keperluan di kalangan negara-negara adalah berbeza sementara sumber, terutama kewangan, tidak selalunya ada.

Oleh itu sikap memilih dan pragmatik menjadi penting bagi memastikan kejayaan dapat dilihat dan dirasai sejak awal lagi bagi mendorong negara-negara ke peringkat pencapaian yang lebih tinggi, katanya.

Merujuk kepada pembiayaan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan di bawah WSC, Dr Mahathir berkata dengan menggugurkan cadangan awal bagi Dana Solar Dunia, keperluan untuk membincangkan isu pembiayaan dan pendekatan-pendekatan yang munasabah yang mungkin boleh ditimbang, tidak dapat dielakkan.

Sementara Deklarasi Harare memerlukan negara-negara yang menyertai sidang kemuncak itu berusaha ke arah penggunaan tenaga solar dan sumber tenaga yang boleh dibaharui dengan lebih meluas, WSC merupakan garis kasar bagi sejumlah 300 projek utama sumber boleh dibaharui yang akan dilaksanakan di peringkat negara, serantau dan antarabangsa bagi tempoh 10 tahun.

Antara tujuan WSC ialah mewujudkan suasana politik, sosial dan ekonomi yang sesuai bagi tenaga yang boleh dibaharui dan memperkukuhkan pembangunan

keupayaan keusahawanan tempatan dan mewujudkan mekanisme kecil-kecilan kewangan dan penghantaran.

Selain menerima draf dokumen suruhanjaya itu, mesyuarat hari ini juga membincangkan statut suruhanjaya itu serta peraturan prosedur sidang kemuncak berkenaan.

Malam ini Dr Mahathir akan menghadiri jamuan malam yang dihoskan Presiden Mugabe. -- BERNAMA

LKC RON